



SABAH, MALAYSIA

# Warta Kerajaan

*Diterbitkan dengan kuasa*

---

---

Jil. LXI]

KOTA KINABALU, KHAMIS, 12 JANUARI 2006

[No. 2

---

---

**Kenyataan-kenyataan berikut adalah diterbitkan atas perintah Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri untuk Makluman Umum.**

**DATUK K. Y. MUSTAFA,**  
*Setiausaha Kerajaan Negeri.*

---

---

No. 5

[No. DUNS: (PGN) 14

**PERLEMBAGAAN NEGERI SABAH**  
**PERISYTIHARAN**

**PEMBERHENTIAN PENGGAL KEDUA DEWAN UNDANGAN**  
**NEGERI SABAH YANG KEDUA BELAS**

BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Fasal (2) Perkara 21 Perlembagaan Negeri Sabah bahawa Yang di-Pertua Negeri boleh dari semasa ke semasa memberhentikan Penggal Dewan Undangan Negeri.

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, SAYA, TUN DATUK SERI PANGLIMA HAJI AHMADSHAH BIN ABDULLAH, Seri Maharaja Mangku Negara, Seri Panglima Darjah Kinabalu, Datuk Patinggi Bintang Kenyalang (Sarawak), Panglima Gemilang Darjah Kinabalu, Ahli Setia Darjah Kinabalu, Kesatria Mangku Negara, Jaksa Pendamai, Yang di-Pertua Negeri Sabah adalah dengan ini MENGISYTIHARKAN dan memberitahu bahawa Dewan Undangan Negeri Sabah hendaklah diberhentikan mulai dari 31 Disember 2005.

DIKELUARKAN dengan tandatangan saya dan Mohor Kerajaan Negeri Sabah pada hari ini 15 haribulan Disember 2005.

TUN DATUK SERI PANGLIMA HAJI AHMADSHAH BIN ABDULLAH,  
*Yang di-Pertua Negeri Sabah.*

LS

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah,

DATUK MUSA HAJI AMAN,  
*Ketua Menteri Sabah.*

No. 6

[No. JKM (S) 100-22/8 Klt. 2 (4)]

AKTA EKSAIS 1976  
PELANTIKAN AHLI-AHLI LEMBAGA PELESENAN  
BAGI NEGERI SABAH

Adalah dengan ini diberitahu untuk pengetahuan umum bahawa pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Menteri Kewangan Malaysia di bawah Seksyen 31 seksyen kecil [2], [3] dan [4] Akta Eksais 1976 dan diwakilkan kepadanya di bawah Seksyen 86 Akta tersebut melalui *Warta Kerajaan Persekutuan P. U. [B] 352 1977*, Ketua Menteri Sabah telah melantik penama-penama berikut sebagai Ahli-ahli Lembaga-Lembaga Pelesenan yang tersenarai di bawah ini untuk selama 3 tahun berkuat kuasa mulai 1 Januari 2006 hingga 31 Disember 2008.

(a) *Bahagian Kudat*

Pengerusi	:	Pegawai Daerah, Kudat
Naib Pengerusi	:	Pegawai Daerah, Kota Marudu
Ahli-ahli	:	1) Encik Yee Tah Khong 2) Encik Tsen Khing Siong 3) Haji Abdul Rahman b. Mustapha @ Tapah 4) Pegawai Kastam, Kudat 5) Ketua Polis Daerah Kudat 6) Pegawai Daerah Pitas 7) Ketua Polis Kota Marudu

Termaktub di Kota Kinabalu pada 4 Januari 2006.

DATUK MUSA HAJI AMAN,  
*Ketua Menteri Sabah.*

[No. JKM (S) 100-22/8 Klt. 2 (4)]

THE EXCISE ACT, 1976  
APPOINTMENT OF MEMBERS OF LICENSING BOARD  
FOR THE STATE OF SABAH

It is hereby notified for general information that in exercise of the powers conferred upon the Minister of Finance Malaysia by Section 31 sub-sections [2], [3] and [4] of the Excise Act, 1976 and delegated to him under Section 86 of the same Act Vide P. U. [B] 352 of 1977, the Chief Minister of Sabah has appointed the persons named hereunder to be

members of the following respective Licensing Boards for a period of three years with effect from 1st January, 2006 until 31st December, 2008.

(a) *Kudat Division*

- Chairman : District Officer, Kudat  
Vice-Chairman : District Officer, Kota Marudu  
Members : 1) Encik Yee Tah Khong  
2) Encik Tsen Khing Siong  
3) Haji Abdul Rahman b. Mustapha @ Tapah  
4) Custom Officer, Kudat  
5) OCPD, Kudat  
6) District Officer, Pitas  
7) OCPD, Kota Marudu

Dated at Kota Kinabalu this 4th day of January, 2006.

DATUK MUSA HAJI AMAN,  
*Chief Minister of Sabah.*

**No. 7**

[No. KPKAS (S) 100-1/1/4 Klt. 2

ENAKMEN PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR 2002

(Enakmen No. 12 tahun 2002)

PENETAPAN TARIKH PERMULAAN KUAT KUASA

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 1 Enakmen Perlindungan Alam Sekitar 2002, Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar menetapkan 3 Januari 2006 sebagai tarikh Enakmen itu mula berkuat kuasa.

Bertarikh 30 Disember 2005.

TAN SRI DATUK CHONG KAH KIAT,  
*Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar.*

[No. KPKAS (S) 100-1/1/4 Klt. 2]

## ENVIRONMENT PROTECTION ENACTMENT 2002

(Enactment No. 12 of 2002)

## APPOINTMENT OF DATE OF COMING INTO OPERATION

In exercise of the powers conferred by section 1 of the Environment Protection Enactment 2002, the Minister of Tourism, Culture and Environment appoints 3rd January, 2006 as the date on which the Enactment comes into operation.

Dated this 30th day of December, 2005.

TAN SRI DATUK CHONG KAH KIAT,  
*Minister of Tourism, Culture and Environment.*

**No. 8**

[No. KPKAS (S) 100-1/1/4 Klt. 2]

## ENAKMEN PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR (PINDAAN) 2004

(Enakmen No. 14 tahun 2004)

## PENETAPAN TARIKH PERMULAAN KUAT KUASA

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 1 Enakmen Perlindungan Alam Sekitar (Pindaan) 2004, Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar menetapkan 3 Januari 2006 sebagai tarikh Enakmen itu mula berkuat kuasa.

Bertarikh 30 Disember 2005.

TAN SRI DATUK CHONG KAH KIAT,  
*Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar.*

[No. KPKAS (S) 100-1/1/4 Klt. 2]

## ENVIRONMENT PROTECTION (AMENDMENT) ENACTMENT 2004

(Enactment No. 14 of 2004)

## APPOINTMENT OF DATE OF COMING INTO OPERATION

In exercise of the powers conferred by section 1 of the Environment Protection (Amendment) Enactment 2004, the Minister of Tourism, Culture and Environment appoints 3rd January, 2006 as the date on which the Enactment comes into operation.

Dated this 30th day of December, 2005.

TAN SRI DATUK CHONG KAH KIAT,  
*Minister of Tourism, Culture and Environment.*

*REPEATED NOTIFICATION*

No. 2

[No. JKM. PHB. 600-2/5/14 (15)]

## ORDINAN PENGAMBILAN TANAH

## Bab 69

## PEMBERITAHUAN DI BAWAH SEKSYEN 4

Bahawasanya Yang di-Pertua Negeri berpendapat bahawa tanah yang ditunjukkan atas Pelan No. L.S. 119.1.56/(9) (PL/pl) mungkin akan dikehendaki bagi suatu maksud awam, iaitu bagi pembinaan Talian Penghantaran 275kV/132kV SESB Grid Utara, Kota Kinabalu; Bab 69 oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen 4 Ordinan Pengambilan Tanah, Yang di-Pertua Negeri dengan ini mengumumkan bahawa tanah yang dinyatakan di dalam Jadual bersama ini mungkin dikehendaki bagi maksud yang pada pendapat Yang di-Pertua Negeri adalah suatu maksud awam.

Pelan yang disebut di atas boleh diperiksa di pejabat Pengarah Tanah dan Ukur, Kota Kinabalu, atau di pejabat Penolong Pemungut Hasil Tanah, Kota Kinabalu, pada waktu pejabat.

## JADUAL

<i>Bil.</i>	<i>Pemilik</i>	<i>No. Hakmilik</i>	<i>Luas Kawasan Hakmilik (Ekar)</i>	<i>Tempat</i>	<i>Luas Kawasan Yang Hendak Diambil (Ekar)</i>
1.	Chin Chon Len Chin Vun Sang Chin Tet Sang	CL. 015098227	2.781	Kg. Kayu Madang, Kota Kinabalu	1.570
2.	Chin Chon Len Chin Vun Sang Chin Tet Sang	CL. 015072983	5.344	Kg. Kayu Madang, Kota Kinabalu	1.090

Bertarikh di Kota Kinabalu, pada 21 Disember 2005.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama,

DATUK MUSA HAJI AMAN,  
*Ketua Menteri Sabah.*

*REPEATED NOTIFICATION - (cont.)*

[No. JKM. PHB. 600-2/5/14 (15)]

## THE LAND ACQUISITION ORDINANCE

Cap. 69

## NOTIFICATION UNDER SECTION 4

Whereas it appears to the Yang di-Pertua Negeri that the land as shown on Plan No. L.S. 119.1.56/(9) (PL/pl), is likely to be required for a public purpose, that is to say for the construction of Wayleave for 275kV/132kV SESB Transmission Line Northern Grid Kota Kinabalu; now, therefore, in exercise of the powers conferred upon him by section 4 of the Land Acquisition Ordinance, the Yang di-Pertua Negeri hereby notifies that the land set out in the Schedule hereto is likely to be required for a purpose, which in the opinion of the Yang di-Pertua Negeri is a public purpose.

Plan referred to above may be inspected at the office of the Director of Lands and Surveys, Kota Kinabalu, or the office of the Assistant Collector of Land Revenue, Kota Kinabalu, during normal office hours.

## SCHEDULE

<i>No.</i>	<i>Owner(s)</i>	<i>Title No.</i>	<i>Area on Title in Acre(s)</i>	<i>Locality</i>	<i>Area to be Acquired in Acre(s)</i>
1.	Chin Chon Len Chin Vun Sang Chin Tet Sang	CL. 015098227	2.781	Kg. Kayu Madang, Kota Kinabalu	1.570
2.	Chin Chon Len Chin Vun Sang Chin Tet Sang	CL. 015072983	5.344	Kg. Kayu Madang, Kota Kinabalu	1.090

Dated at Kota Kinabalu, this 21st day of December, 2005.

By His Excellency's Command,

DATUK MUSA HAJI AMAN,  
*Chief Minister of Sabah.*

Yang berikut adalah diterbitkan sebagai Tambahan kepada *Warta* ini:-

#### KERAJAAN TEMPATAN

*Tambahan Keempat No. 5 bertarikh 9 Jun 2005.*

- L 7 - Ordinan Kerajaan Tempatan, 1961:  
Perintah Kadaran Majlis Daerah Lahad Datu 2005.  
The Local Government Ordinance, 1961:  
The Lahad Datu District Council Rates Order 2005.

**Kadar langganan berikut bagi Warta Kerajaan Negeri Sabah yang berkuat kuasa mulai daripada 1 Januari 2006 adalah diterbitkan untuk makluman Umum:**

#### KADAR LANGGANAN UNTUK TAHUN 2006

*Warta Kerajaan* termasuk tambahan-tambahan:- (Tidak termasuk Tambahan Tanda Perdagangan)

	RM
Langganan Tahunan di dalam Malaysia ...	100.00
Langganan Tahunan di luar Malaysia ...	150.00
Tambahan Tanda Perdagangan (untuk satu keluaran)	2.00
Sesuatu naskhah <i>Warta</i> Kerajaan, Tambahan-tambahan, Rang Undang-undang, Laporan Dewan Undangan Negeri, Pekeliling dan lain-lain.	
Tidak lebih daripada 8 muka ...	1.50
Tidak lebih 9 hingga 16 muka ...	2.00
Tidak lebih 17 hingga 32 muka ...	2.50
Tidak lebih 33 hingga 48 muka ...	3.00
Tidak lebih 49 hingga 64 muka ...	3.50
Tidak lebih 65 hingga 96 muka ...	4.50
Lebih daripada 96 muka ...	6.00 dan tambah RM1.00 untuk setiap 32 muka yang lebih.

Senaskhah Tahunan Tambahan Pertama dan Kedua serta indeks 2005  
(dijilid dengan Kulit Keras) ... RM 35.00

**Kadar-kadar di atas adalah termasuk belanja Pos biasa (mel laut)**

**Pengiriman Wang hendaklah dialamatkan kepada Pencetak Kerajaan, Jabatan Cetak Kerajaan, Kota Kinabalu, Sabah. Cek dan Wang Pos hendaklah dibuat pembayarannya kepada Pencetak Kerajaan, Jabatan Cetak Kerajaan, dan dipalng “& Co”.**

## Untuk Makluman

- (1) Pelanggan bagi Warta Kerajaan Negeri dan terbitan-terbitan Kerajaan lain seperti Laporan Tahunan, Laporan Jabatan dan sebagainya hendaklah dialamatkan kepada Pencetak Kerajaan, Jabatan Cetak Kerajaan, Km. 4, Jalan Tuaran, Beg Berkunci 2004, 88554 Kota Kinabalu.
- (2) Pelanggan-pelanggan yang hendak mendapatkan Warta Kerajaan Persekutuan hendaklah memohon terus kepada Percetakan Nasional Malaysia Berhad, Jalan Chan Sow Lin, 50554 Kuala Lumpur.